



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

NOTIS SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : KDN/PB/SB/001/2023

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera** di Selangor / Putrajaya Sahaja yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam kategori dan pengkhususan berkaitan sebagaimana di bawah :-

| NAMA PROJEK   | SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN  | NO. SEBUT HARGA    | TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK  |
|---|--|--------------------|--|
| KERJA-KERJA PEMULIHAN DAN PEMBAIKAN GIMNASIUM SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI ARAS 2, BLOK SETIA PERKASA 9, KOMPLEKS SETIA PERKASA, KEMENTERIAN DALAM NEGERI. | Berdaftar dengan CIDB<br><br>Memegang Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Yang Masih Sah<br><br>Gred : G2<br>Kategori : B<br>Pengkhususan : B28 | KDN/PB/SB/001/2023 | 21 Ogos 2023<br>(Isnin)<br>10.00 Pagi<br><br>Berkumpul di :<br><br>Ruang Legar, Aras 2, Blok Setia Perkasa 9, Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 PUTRAJAYA. |

2. Lawatan tapak dan sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Bagi memastikan maklumat projek ini adalah jelas, satu sesi lawatan tapak akan diadakan pada **21 Ogos 2023 (Isnin) jam 10.00 Pagi**. Kontraktor dikehendaki membawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang **Asal** dan **Salinan** semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Hanya penama yang tercatat di dalam sijil PPK dan SPKK yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan sesi taklimat berkenaan. Kontraktor tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. Kontraktor yang sah hendaklah sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan wabak COVID-19 dengan mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM dari semasa ke semasa.
3. Dokumen Sebut harga boleh didapati dari tarikh **21 Ogos 2023 (Isnin)** sehingga **28 Ogos 2023 (Isnin)** pada waktu pejabat (9.00 Pagi - 4.30 Petang) di **BAHAGIAN PEMBANGUNAN, KEMENTERIAN DALAM NEGERI, ARAS 2, BLOK SETIA PERKASA 1, KOMPLEKS SETIA PERKASA, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62546 PUTRAJAYA** SECARA PERCUMA.
4. Dokumen Sebut harga akan dikeluarkan kepada Kontraktor-kontraktor yang memiliki pendaftaran yang masih sah semasa mengambil dokumen sebut harga. Untuk maksud ini, Kontraktor dikehendaki membawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang **Asal** beserta satu **Salinan** sijil-sijil tersebut.
5. Borang Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di **BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI, ARAS 2, BLOK SETIA PERKASA 1, KOMPLEKS SETIA PERKASA, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62546 PUTRAJAYA** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari, 29 Ogos 2023 (Selasa)**

Nama Penandatangani  
Jawatan  
Tarikh

Tandatangan  
MOHD NORZAM BIN MUSTAPA  
Setiausaha Bahagian Pembangunan  
Kementerian Dalam Negeri  
Malaysia

14 Ogos 2023